

27/09/1999

Pembangkok lakukan vandalisme

KUANTAN, Ahad - Parti pembangkang kini sanggup melakukan apa saja termasuk merosakkan papan tanda Umno dan Barisan Nasional (BN) disebabkan isu yang mereka bawa dapat ditangkis dan dijelaskan pemimpin negara, kata Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Osu Sukam.

Beliau yang Ketua Menteri Sabah, berkata ini turut menggambarkan pemimpin dan penyokong parti pembangkang sudah tidak lagi yakin berhadapan dengan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"Perbuatan merobohkan papan tanda Umno dan BN atau menconteng poster pemimpin negara adalah perbuatan sia-sia yang bukan saja berlaku di Pahang, malah di seluruh negara.

"Saya sifatkan golongan ini sebagai `desperado' kerana sudah tidak mempunyai isu untuk diketengahkan kepada rakyat," katanya selepas mendengar taklimat mengenai persiapan jentera pilihan raya Umno bahagian Paya Besar di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Wanita Umno yang juga Ketua Wanita Umno bahagian, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Timbalan Ketua bahagian, Ahmad Tajuddin Sulaiman dan ahli jawatankuasa bahagian.

Osu ditanya mengenai beberapa kejadian meroboh papan tanda Umno bahagian Paya Besar dan menconteng poster Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Mengenai majlis taklimat itu, Osu berkata, beliau ditugaskan oleh MT untuk memantau persiapan jentera pilihan raya Umno bahagian Raub, Kuala Lipis, Jerantut, Kuantan dan Paya Besar.

"Saya mula melawat bilik gerakan pilihan raya Umno bahagian berkenaan sejak semalam dan berpuas hati dengan persiapan masing-masing, termasuk dari segi bilangan petugas, pendekatan parti pembangkang dan sentimen pengundi.

"Secara keseluruhan semua bahagian di seluruh negara sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum bila-bila masa," katanya.

Osu berkata, satu laporan mengenai pemantauannya di lima bahagian berkenaan akan diserahkan kepada pucuk pimpinan parti pada minggu pertama bulan depan.

Mengulas persiapan Umno bahagian Paya Besar, Siti Zaharah berkata, pihaknya mempunyai kira-kira 6,200 petugas pilihan raya, 1,500 daripadanya terbabit dalam Pasukan Gerak Kerja (Gerak 10).

Beliau berkata, pihaknya meningkatkan persiapan selepas menerima arahan daripada Dr Mahathir selaku Presiden Umno dan Pengerusi BN.

"Ini membuatkan penyokong parti pembangkang merasa resah berikutan BN rancak mengatur strategi, sehingga ada yang sanggup merosakkan papan tanda kita," katanya.

Katanya, golongan terbabit akan berbuat apa saja kerana parti mereka kurang mendapat sambutan sekarang.

(END)